



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA JUN 2025

Imbangan dagangan kekal positif pada Jun 2025 bernilai RM8.6 bilion, meneruskan lebihan dagangan berturut-turut bulan ke-62 sejak Mei 2020

PUTRAJAYA, 18 JULAI 2025 – Prestasi dagangan Malaysia menyusut sedikit pada Jun 2025 dengan jumlah dagangan mencatatkan penurunan 1.2 peratus kepada RM234.9 bilion berbanding RM237.8 bilion dalam bulan yang sama tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya oleh penyusutan eksport 3.5 peratus kepada RM121.7 bilion. Sebaliknya, import meningkat 1.2 peratus kepada RM125.9 bilion, menyebabkan lebihan dagangan mengecil daripada RM14.3 bilion kepada RM8.6 bilion pada Jun 2025 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, JUN 2025**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa Malaysia mencatatkan lebihan dagangan 62 bulan berturut-turut sejak Mei 2020, walaupun lebihan tersebut mengecil 40.1 peratus kepada RM8.6 bilion pada Jun 2025. Manakala, penurunan eksport Malaysia bagi bulan Jun 2025 adalah terutamanya disebabkan oleh pengurangan dalam eksport domestik. Eksport domestik, yang merangkumi 78.3 peratus daripada jumlah eksport,

menurun 5.2 peratus kepada RM95.3 bilion, manakala eksport semula, yang membentuk 21.7 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 3.4 peratus kepada RM26.4 bilion berbanding Jun 2024. Selain itu, import berjumlah RM113.1 bilion, meningkat 1.2 peratus atau RM1.4 bilion. Berbanding dengan Mei 2025, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 3.9 peratus, 10.1 peratus dan 7.0 peratus. Sementara itu, imbalan dagangan melonjak 1,030.7 peratus atau RM7.8 bilion.

Dari sudut kumpulan barangan, 156 daripada 257 kumpulan eksport mencatatkan penurunan. Sementara itu, 127 daripada 259 kumpulan import mencatatkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa eksport yang lebih rendah didorong terutamanya oleh pengurangan penghantaran ke Singapura (-RM3.5 bilion), diikuti oleh China (-RM1.5 bilion), Thailand (-RM691.8 juta), Korea Republik (-RM667.9 juta), Arab Saudi (-RM445.1 juta), Brunei Darussalam (-RM398.9 juta) dan Australia (-RM330.2 juta). Sebaliknya, peningkatan import pula disumbangkan terutamanya oleh kemasukan barangan yang lebih tinggi dari China (+RM3.1 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM1.9 bilion), Korea Republik (+RM1.3 bilion), Taiwan (+RM926.1 juta), Indonesia (+RM691.2 juta), Cameroon (+RM602.2 juta) dan Iraq (+RM395.7 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penurunan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh penghantaran yang lebih rendah bagi keluaran petroleum (-RM3.3 bilion); gas asli cecair (-RM1.2 bilion); petroleum mentah (-RM899.7 juta); kimia & bahan kimia (-RM853.7 juta); barangan besi & keluli (-RM550.8 juta); serta barangan perkilangan logam (-RM445.2 juta). Sebaliknya, pertumbuhan import didorong oleh peningkatan kemasukan barangan elektrik dan elektronik (+RM3.8 bilion); jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM1.4 bilion); bijih logam

dan serpihan logam (+RM1.1 bilion); keluaran perkilangan lain (+RM820.9 juta); barang kemas (+RM478.7 juta); serta barangan optik & saintifik (+RM377.8 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir yang mencerminkan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan modal dan barangan penggunaan. Import barangan modal (12.9% daripada jumlah import) meningkat 21.8 peratus atau RM2.6 bilion kepada RM14.6 bilion. Barangan penggunaan (8.3% daripada jumlah import) pula naik 1.6 peratus atau RM144.3 juta kepada RM9.4 bilion. Walau bagaimanapun, import barangan perantaraan (53.1% daripada jumlah import) mencatatkan penurunan 1.2 peratus atau RM738.6 juta kepada RM60.1 bilion berbanding Jun 2024.

Jumlah dagangan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 meningkat 4.8 peratus, meningkat daripada RM1.4 trilion kepada RM1.5 trilion, disokong oleh pertumbuhan eksport (+3.8%) dan import (+5.9%). Namun begitu, lebih dagangan jatuh 17.2 peratus kepada RM55.5 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.

Prestasi pada suku tahun kedua 2025, jumlah dagangan Malaysia meningkat 6.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, disokong oleh kenaikan dalam eksport (+3.4%) dan import (+9.0%). Namun begitu, lebih dagangan menyusut dengan ketara dengan 55.3 peratus, berjumlah RM14.5 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Jun 2025 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Jun 2025
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2025 (Jan – Jun)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2024 – Jun 2025
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2025 (Jan – Jun)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2024	2025	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	JUN	MEI	JUN		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	126,083	126,618	121,722	100.0	(4,362)	(3.5)
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	53,258	53,707	53,951	44.3	692.7	1.3
Keluaran Petroleum	11,665	8,027	8,383	6.9	(3,282)	(28.1)
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	5,557	7,367	6,930	5.7	1,373	24.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,676	6,340	6,595	5.4	919.0	16.2
Barangan Optik & Saintifik	5,021	5,044	5,084	4.2	63.0	1.3

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2024	2025	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	JUN	MEI	JUN		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	111,740	125,858	113,130	100.0	1,390	1.2
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	36,012	50,420	39,811	35.2	3,799	10.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	9,238	10,088	10,648	9.4	1,410	15.3
Keluaran Petroleum	10,911	7,105	8,451	7.5	(2,460)	(22.5)
Kimia & Bahan Kimia	8,708	8,149	8,244	7.3	(464.0)	(5.3)
Barangan Perkilangan Logam	5,442	5,809	5,451	4.8	8.4	0.2

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

18 JULAI 2025